

SSPN kumpul RM10.8b setakat 31 Disember lalu

Instrumen simpanan diperkenal PTPTN beri manfaat kepada rakyat

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) berjaya mengumpul tabungan sebanyak RM10.8 bilion menerusi 5.2 juta akaun yang dibuka setakat 31 Disember lalu.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata instrumen simpanan yang diperkenalkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) itu memberi banyak keistimewaan dan manfaat untuk rakyat di negara ini.

“Sebagai contoh menerusi simpanan di bawah SSPN Prime, Geran Sepadan secara per-cuma sehingga RM10,000 ditawarkan kepada pendeposit sekiranya anak mereka berjaya menyambung pelajaran ke mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh kerajaan.

“Geran Sepadan ini pasti memberi banyak manfaat kepada wa-



Noraini bersama Annuar (tengah) pada Program Sumbangan Simpan SSPN Kepada Pelajar Asnaf Merbok, Sungai Petani, semalam.

ris dan pelajar itu sendiri ketika menyambung pelajaran kelak,” katanya ketika berucap pada Program Sumbangan Simpan SSPN Prime yang dilaksanakan melalui Wakalah Zakat Negeri Kedah membabitkan peruntukan sebanyak RM5,000.

Pada majlis itu, seramai 50

orang murid asnaf dari sekolah rendah sekitar Kawasan Merbok menerima sumbangan Simpanan SSPN Prime yang dilaksanakan melalui Wakalah Zakat Negeri Kedah membabitkan peruntukan sebanyak RM5,000.

Hadir sama ialah Ahli Lem-baga Pengarah KEDA, Datuk An-nuar Ahmad, Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid dan Penolong Pegawai Pen-didikan Daerah Kuala Muda/Yan, Khairil Azani Arzmi.